

13 AUG 2003

Chan-Langkawi/I

AIR ASIA AKAN HUBUNGAN LANGKAWI, PHUKET JANUARI 2004

PUTRAJAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Air Asia akan memulakan perkhidmatan sektor Langkawi-Phuket mulai Januari depan sebagai sebahagian daripada usaha bersama untuk mempromosikan kedua-dua pulau peranginan itu sebagai destinasi pelancong, kata Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy hari ini.

Beliau berkata promosi bersama itu dibincangkan semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand Thaksin Shinawatra bertemu di pulau lagenda Langkawi baru-baru ini.

"Ini adalah langkah pertama ke arah merealisasikan matlamat itu," kata Chan kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet di sini.

Beliau berkata Penerbangan Malaysia (MAS) juga berminat dengan idea itu tetapi hanya akan memulakan operasi ke destinasi itu kemudian.

Kedua-dua syarikat penerbangan katanya juga diminta mengkaji kemungkinan menjalankan perkhidmatan ke destinasi lain di Thailand manakala syarikat penerbangan Thailand juga dipelawa meneroka usaha yang sama ke Malaysia.

Beliau berkata maklumat terperinci seperti kekerapan penerbangan antara kedua-dua pulau itu akan diselesaikan oleh Air Asia yang akan mengekalkan konsep tambang murah.

Mengenai usaha kerajaan untuk membasmi rasuah dalam perkhidmatan awam, Chan berkata beliau akan melakukan sedaya usaha untuk memastikan kakitangan kementerian itu melaksanakan tugas mereka mengikut peraturan.

Menurutnya setelah menjawat jawatan Menteri Pengangkutan selama enam minggu, beliau belum menerima laporan mengenai rasuah, dan akan mengambil tindakan serius jika ada.

Mengenai rasa tidak puas hati Gerakan mengenai tindakan MCA menerima dua anggota dewan undangan negeri Pulau Pinang, Lim Chin Aun (Bayan Lepas) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat), sebagai anggota parti itu tiga hari lepas setelah memenangi kerusi itu atas tiket Gerakan pada 1999, Chan berkata cara terbaik untuk membincangkan sebarang perbezaan adalah menerusi Barisan Nasional.

"Kami belum bersedia untuk membincangkan sebarang isu membabitkan pertukaran kerusi secara terbuka... terutama menerusi media," katanya.

-- BERNAMA

MAM LAT